

**PERANAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK
(DBPCS) DALAM MEMARTABATKAN BAHASA MELANAU REJANG
KEPADA MASYARAKAT TEMPATAN.**

SURAIMIE BINTI RAIE

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
Pengurusan Seni

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2006



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PERANAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN
SARAWAK (DBPCS) DALAM MEMARTABATKAN BAHASA
MELANAU REJANG KEPADA MASYARAKAT TEMPATAN**

Suraimie bt Raie

2006

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL : PERANAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK (DBPCS) DALAM MEMARTABATKAN BAHASA MELANAU REJANG KEPADA MASYARAKAT TEMPATAN.

SESI PENGAJIAN : 2003 – 2006

Saya SURAIMIE BINTI RAIE

Mengaku membenarkan tesis/laporan * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara intitusi pengajian tinggi
5. * sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh :

Tandatangan Penyelia

Tarikh :

Alamat Tetap :
2/417 Jalan Abang Aing,
Kampung Melango Baru,
95400 Saratok, Betong,
Sarawak.

Catatan : * Tesis/laporan dimaksudkan sebagai tesisi bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
* Jika Tesis/laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesisi/laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Projek bertajuk ‘ **Peranan Dewan Bahasa Dan Pustaka Cawangan Sarawak Dalam Memartabatkan Bahasa Melanau Rejang Kepada Masyarakat Tempatan** ‘ telah disediakan oleh **Suraimie Bt Raie** dan telah diserahkan kepada fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Pengurusan Seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh :

(Puan Norria Tugang)

Tarikh :

DEDIKASI

Jutaan kasih sayang penyelidik ukirkan buat keluarga tersayang yang banyak membantu penyelidik dalam menyiapkan kajian ini. Berkat doa dan dorongan semua, terhasillah kajian yang penyelidik lakukan. Segala usaha yang dilakukan semuanya hanya untuk penyelidik dapat menyiapkan kajian ini.

Buat bapa yang penyelidik hormati, sokongan moral serta bantuan kewangan yang dihulurkan sangat penyelidik hargai. Kasih sayang seorang ayah yang dicurahkan buat penyelidik membuatkan penyelidik bersemangat untuk meneruskan kajian ini biarpun ada ketikanya penyelidik buntu untuk menyiapkan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga penyelidik ucapkan.

Buat emak yang penyelidik kasihi, dorongan dan kata-kata nasihat emak sangat penyelidik dambakan di saat penyelidik kekosongan idea untuk menyiapkan kajian ini. Segala kata-kata dorongan dan semangat yang emak salurkan dalam jiwa penyelidik sangatlah penyelidik sanjungi.

Dedikasi ini juga penyelidik tujukan buat atuk yang penyelidik sanjungi dalam hidup penyelidik. Semangat dan sokongan atuk sangat penyelidik hargai. Harapan atuk untuk penyelidik menyiapkan kajian ini telah penyelidik tunaikan biarpun atuk sendiri tidak sempat untuk menatap hasil kajian penyelidik. Semoga arwah atuk yang telah kembali ke rahmatullah pada 03 Mac 2006 yang lalu berbangga dengan hasil kajian yang telah penyelidik lakukan. Al-fatihah...

Buat adik-beradik penyelidik yang tersayang, jutaan terima kasih penyelidik ucapkan di atas sokongan kewangan dan semangat untuk penyelidik teruskan kajian ini.

Biarpun ada kalanya antara kita saling berbalah, namun hubungan kita tetap utuh kerana kasih sayang antara kita lebih kukuh daripada segalanya.

Dan dedikasi ini juga turut penyelidik ukirkan buat insan tersayang yang banyak membantu penyelidik menyiapkan kajian ini. Sokongan dan dorongan daripadanya sentiasa penyelidik ingati di kala penyelidik hampir tewas untuk menyiapkan kajian ini di saat penyelidik kehilangan atuk yang disanjung. Pengorbanan yang dilakukannya untuk melihat penyelidik menyiapkan kajian ini akan penyelidik kenang sampai bila-bila.

Segala kasih sayang, dorongan serta sokongan dari kalian semua sangatlah penyelidik hargai sehingga ke akhir hayat penyelidik. Tanpa kalian semua, kajian ini mustahil akan dapat penyelidik siapkan seperti yang diingini. Terima kasih sekali lagi buat kalian semua.

PENGURUSAN SENI



Nama Pelajar : Suraimie Binti Raie

No Matrik : 11075

Tajuk Kajian : Peranan Dewan Bahasa Dan Pustaka Cawangan Sarawak Dalam Memartabatkan Bahasa Melanau Rejang Kepada Masyarakat Tempatan.

ABSTRAK

Unit Bahasa Dewan Bahasa Dan Pustaka Cawangan Sarawak di tubuhkan bertujuan untuk memaju dan mengembangkan bahasa di Sarawak dan telah diberi peranan untuk mengumpul data-data bahasa sukuan Sarawak. Pelbagai usaha yang dijalankan oleh Unit Bahasa untuk mengembangkan bahasa-bahasa sukuan di Sarawak. Di sini pengkaji akan mengkaji peranan yang diambil unit ini dalam memartabatkan Bahasa Melanau Rejang.



ART MANAGEMENT



Nama Pelajar : Suraimie Binti Raie

No. Matrik : 11075

**Tajuk Kajian : Role Of Dewan bahasa And Pustaka of Sarawak to be Prestigious
A Bahasa Melanau Rejang to local people.**

ABSTRACT

The Language Unit at Dewan Bahasa dan Pustaka of Sarawak is build to developing language in Sarawak. There were also collect data about traditional language in Sarawak. This unit has organizes and plan many activity to approve that. Here researcher interested to know what is their role to be prestigious a traditional languages like Bahasa Melanau Rejang.



PENGHARGAAN

Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji mengenai peranan yang dimainkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan sarawak (DBPCS) khususnya Unit Bahasa dalam memartabatkan bahasa Melanau Rejang kepada masyarakat tempatan. Di sini kita akan dapat lihat sejauhmanakah pihak DBPCS menjalankan tanggungjawab serta peranan mereka untuk memperkenalkan bahasa Melanau Rejang ini ke mata umum. Sedikit sebanyak kajian ini akan dapat melihat di antara usaha-usaha gigih pihak DBPCS dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Semoga dengan kajian ini, diharap dapat memberi sedikit pengetahuan kita mengenai peranan yang telah dimainkan oleh pihak DBPCS dalam berusaha untuk memartabatkan serta memperkenalkan bahasa-bahasa sukuan di Sarawak kepada masyarakat tempatan amnya.

Di kesempatan ini, penyelidik turut ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada mereka yang terlibat dalam penghasilan kajian ini. Budi yang tidak ternilainya penyelidik tujukan buat warga DBPCS yang banyak memberi kerjasama dan maklumat kepada penyelidik untuk menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih khas penyelidik tujukan buat staf-staf Unit Bahasa DBPCS yang banyak membantu penyelidik dengan memberikan kerjasama yang jitu serta tidak dilupakan staf-staf Unit Sastera DBPCS yang secara tidak langsung turut membantu penyelidik menyiapkan kajian ini. Tanpa kerjasama serta maklumat yang diberikan oleh mereka, kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini mungkin tidak dapat menepati objektif kajian ini yang sebenarnya. Justeru, jutaan terima kasih penyelidik ucapkan di atas segala kerjasama dan usaha yang diberikan.

Jutaan terima kasih juga penyelidik rakamkan buat pensyarah Program Pengurusan Seni yang merangkap penasihat kajian penyelidik iaitu Puan Norria Tugang yang banyak memberi tunjuk ajar kepada penyelidik. Biarpun ada kalanya perangai penyelidik mungkin memeningkan kepala, namun kesediaan serta kesabaran Puan Norria menerima penyelidik sebagai anak didiknya sangat penyelidik hormati. Beliau masih tetap memberikan tunjuk ajar serta nasihat kepada penyelidik dalam menyiapkan kajian ini. Segala jasa beliau sangat penyelidik hormati dan kenangi sampai bila-bila. Jutaan terima kasih juga turut penyelidik kalungi buat pensyarah Program Pengurusan Seni yang lain iaitu Puan Donna Qistina Lee Abdullah serta Cik Karen Audrey Samy yang turut banyak memberi tunjuk ajar kepada penyelidik dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih tidak terhingga penyelidik tujukan buat pensyarah yang banyak membantu penyelidik di sepanjang penyelidik menyiapkan kajian ini.

Tidak dilupakan juga, penghargaan terima kasih turut penyelidik kalungkan buat rakan-rakan sepeerjuangan yang banyak membantu. Biarpun masing-masing sibuk dengan tugas serta kuliah, namun kerjasama serta bantuan yang disalurkan kepada penyelidik amatlah penyelidik hormati. Persahabatan yang terjalin membuatkan antara kita saling bantu-membantu serta sokongan dan dorongan yang diberikan akan penyelidik kenangi sepanjang hidup penyelidik.

Akhir sekali, sekalung penghargaan penyelidik tujukan buat insan-insan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini. Segala jasa, budi, kerjasama serta sokongan daripada kalian semua akan penyelidik kenang dan hormati hingga ke akhir hayat penyelidik. Terima kasih semua.

KANDUNGAN

Pengesahan	i
Pengakuan	ii
Dedikasi	iii
Abstrak	v
Abstract	vi
Penghargaan	vii

Bab 1	Pengenalan	
1.0	Pengenalan	1
1.0.1	Dewan Bahasa Dan Pustaka Cawangan Sarawak	4
1.0.2	Unit Bahasa	5
1.0.3	Bahasa Melanau Rejang Dan Masyarakatnya	6
1.1	Objektif Kajian	8
1.2	Hipotesis	9
1.3	Skop Kajian	10
1.4	Permasalahan Kajian	12
1.5	Kepentingan Kajian	14
1.6	Rumusan	15

Bab 2	Sorotan Kesusasteraan	
2.0	Pengenalan	16
2.1	Ringkasan Umum	18
2.2	Sorotan Kesusasteraan	20
2.3	Perkaitan Dengan Kajian	23
2.4	Rumusan	24
Bab 3	Metodologi Kajian	
3.0	Pengenalan	25
3.1	Lokasi Kajian	26
3.2	Sumber Data	27
3.2.1	Data Primer	28
3.2.2	Data Sekunder	31
3.3	Populasi	32
3.4	Persampelan	33
3.5	Instrumen Kajian	35
3.6	Limitasi Kajian	36
3.7	Rumusan	38
Bab 4	Analisa Data dan Dapatan Kajian	
4.0	Pengenalan	39

4.1	Kaedah Kualitatif	40
4.2	Kaedah Kuantitatif	43
4.2.1	Dapatan Kajian	44
4.3	Bahagian A	
4.3.1	Analisis Jantina Responden	47
4.3.2	Analisis Bangsa Responden	48
4.3.3	Analisa Umur Responden	49
4.4	Bahagian B	
4.4.1	Analisa penglibatan responden dalam aktiviti DBPCS	50
4.4.2	Analisa pengetahuan responden terhadap peranan DBPCS	51
4.4.3	Analisa pendapat responden mengenai program DBPCS.	52
4.4.4	Analisa pengetahuan responden mengenai keberkesanan PDUBSS	53
4.4.5	Analisa Sokongan Responden terhadap usaha DBPCS	54
4.5	Bahagian C	
4.5.1	Analisa Kefasihan responden berbahasa Melanau Rejang	55
4.5.2	Analisa pengetahuan responden terhadap kategori Bahasa Melanau Rejang	56

4.5.3	Analisa pengetahuan responden mengenai Bahasa Melanau Rejang	57
4.6	Pengujian Hipotesis	58
4.7	Kesimpulan	59
Bab 5	Rumusan dan Cadangan	
5.0	Pengenalan	60
5.1	Rumusan	61
5.2	Cadangan	64
5.3	Cadangan Untuk kajian Akan Datang	68
5.4	Kesimpulan	69
	BIBLIOGRAFI	71
	LAMPIRAN	72

BAB 1 : PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada mulanya telah ditubuhkan di Johor Bahru, pada 22 Jun 1956 di tengah-tengah suasana semangat menyambut kemerdekaan tanah air. Pada awal penubuhannya, DBP ditempatkan di Bukit Kimbalan, Johor Bahru. Di situlah DBP mengatur langkah pertamanya untuk menjalankan tugas yang amat penting, iaitu mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang akan merdeka. Tugas ini merupakan penggarapan matlamat utama penubuhan DBP untuk melaksanakan hasrat seluruh rakyat yang telah berusaha dengan gigih seawal tahun 1950-an untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara yang merdeka lagi berdaulat.

Pada tahun 1957 pula, DBP telah berpindah ke Kuala Lumpur. Ia bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan tugasnya selaras dengan pengisytiharan bahawa bahasa kebangsaan akan menjadi bahasa rasmi selepas sepuluh tahun merdeka. Di bangunan usang lagi daif, bekas wad hospital di Jalan Young, DBP menyambut cabaran yang berat dan datang begitu cepat kepada DBP yang baru berusia “setahun jagung”.

Pada tahun 1959, melalui Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959, DBP bertukar taraf menjadi sebuah badan berkanun. Dengan perubahan ini, DBP diberi kuasa autonomi untuk menggubal dasarnya yang khusus, menyusun program pembinaan dan

pengembangan bahasa dan sastera. Di samping itu, DBP juga telah diberi mandat untuk menjalankan kegiatan penerbitan dan perniagaan buku secara kompetitif menurut prinsip dan amalan perusahaan dan profesion penerbitan. Matlamat utamanya adalah untuk membina dan mengembangkan bahasa kebangsaan sesuai dengan dasar negara dan hasrat rakyat.

Matlamat DBP yang tercatat dalam Akta DBP 1959 (semakan tahun 1978, pindaan dan perluasan 1995) seperti yang berikut :

- i. Membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi ;
- ii. Memperkembangkan bakat sastera, khususnya dalam bahasa kebangsaan;
- iii. Mencetak atau menerbitkan atau membantu dalam percetakan atau penerbitan buku, majalah, risalah dan lain-lain bentuk kesusasteraan dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain;
- iv. Membakukan ejaan dan sebutan dan membentuk istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan;
- v. Menggalakan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul ; dan
- vi. Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya ia digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Pada 31 Januari 1962 DBP berpindah ke bangunannya sendiri di Jalan Dewan Bahasa (Jalan Lapangan Terbang Lama). Bangunan DBP setinggi 33 tingkat

memuatkan ruang pejabat, Muzium Bahasa dan Sastera, auditorium dan galeri penulis. Di samping itu, ia akan menjadi mercu tanda bahasa dengan menyediakan pelbagai kemudahan canggih untuk melaksanakan pelbagai kegiatan kebahasaan, kesusasteraan dan kepustakaan bahasa Melayu.

Pada tahun 1977, DBP mengembangkan sayapnya ke Malaysia Timur dengan membuka cawangan, iaitu DBP Cawangan Sabah di Kota Kinabalu, dan DBP Cawangan Sarawak di Kuching. Kedua-dua cawangan ini menjalankan tugas pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera di Sabah dan Sarawak, di samping membantu ibu pejabat DBP di Kuala Lumpur menjalankan tugas penerbitan dan pemasaran buku.

Pada tahun 1999, dua pejabat wilayah dibuka, iaitu Pejabat DBP Wilayah Utara di Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan Pejabat DBP Wilayah Timur di Kota Bharu, Kelantan. DBP juga telah membuka Pejabat DBP Wilayah Selatan di Johor Bahru, Johor pada bulan Jun tahun 2001.

Pewujudan tiga wilayah ini akan menyebarkan bahasa, sastera dan budaya Melayu hingga ke Thailand, negara-negara Indo-China, Sumatera dan Singapura.

1.0.1 Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBPCS) mulai dibuka sejak Januari 1977 bersama dengan penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, mengambil alih tugas Biro Kesusasteraan Borneo (BLB) yang telah ditubuhkan pada tahun 1959. Dengan pengambilalihan BLB, ini bermakna DBPCS telah menjadi agensi yang bertanggungjawab penuh dalam soal membina, mengembang dan memartabatkan bahasa dan sastera di Sarawak, di samping tugas yang amat penting untuk menyokong perkembangan bahasa dan sastera iaitu penerbitan dan pemasaran buku terbitan DBP. Ini secara langsung sejak penubuhan itu, DBPCS menjadi pusat serta tumpuan para peminat, pengkaji dan khalayak bahasa dan sastera di Sarawak.

Pejabat DBP Cawangan Sarawak (DBPCS) yang terletak di Jalan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya memuatkan ruang pejabat, Pusat Dokumentasi Melayu, Bilik Koleksi Borneo, Balai Budaya, bilik mesyuarat, bilik pengarah, bilik seminar serta kantin. Bangunan DBPCS yang setinggi tiga tingkat ini menempatkan tujuh unit iaitu Unit Pusat Dokumentasi Melayu dan Unit Koleksi Borneo di tingkat bawah, Unit Pentadbiran, Unit Kewangan serta bilik pengarah di tingkat satu manakala Unit Penerbitan, Unit Bahasa dan Unit Sastera di tingkat dua. Setiap unit diketuai oleh seorang ketua yang dikenali dengan Ketua Unit.

DBPCS kini berada di bawah pentadbiran Encik Zaini Ojea @ Ozea selaku Pengarah DBPCS. Encik Zaini dibantu oleh seorang setiausaha serta Ketua-ketua Unit dalam memudahkan perjalanan urusan DBPCS.

Pejabat cawangan ini menjalankan tugas pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera, serta menjalankan tugas penerbitan dan pemasaran buku. DBPCS telah menetapkan empat matlamat utamanya iaitu :

- i. Memaju dan memperkayakan Bahasa Kebangsaan.
- ii. Memaju bakat kesusasteraan terutama dalam bahasa kebangsaan.
- iii. Mencetak atau menerbitkan atau membantu usaha percetakan atau penerbitan buku-buku, risalah-risalah dan lain-lain bentuk persuratan dalam Bahasa Kebangsaan dan bahasa-bahasa lain.
- iv. Menyamakan ejaan dan bunyi sebutan dan menggubal istilah-istilah yang sesuai dalam Bahasa Kebangsaan.

1.0.2 Unit Bahasa

Unit Bahasa di tubuhkan bertujuan untuk memaju dan mengembangkan bahasa dan sastera kebangsaan di Sarawak. Unit ini bekerjasama dengan unit sastera di dalam mencapai matlamatnya dan di bahagikan kepada dua bahagian iaitu bahasa tradisional dan bahasa swasta. Unit ini terletak di tingkat dua bangunan DBPCS. Unit ini berkongsi ruang pejabat dengan Unit Sastera. Di unit ini mempunyai enam pegawai dan dibantu oleh seorang kerani dan seorang jurutaip.

Unit Bahasa diketuai oleh Encik Jiso Rutan yang menjawat jawatan sebagai Ketua Unit pengembangan Bahasa Tradisional di samping dibantu oleh Encik Zasran Abdullah

yang menjawat jawatan sebagai Ketua Unit Pengembangan Bahasa Swasta. Untuk Ketua Penyelidikan dan Penterjemahan Bahasa pula diketuai oleh Dr. Nasruddin Abdullah. DBPCS telah diberi kepercayaan dalam mengembangkan bahasa dan sastera di Sarawak yang mempunyai suku kaum yang pelbagai. Justeru Unit Bahasa telah diberi peranan untuk mengumpul data-data bahasa sukuan Sarawak.

Antara usaha-usaha yang dijalankan dan dirancang oleh unit ini adalah seperti Pertandingan Forum Remaja dan Forum Pelajar yang diadakan setiap tahun yang disertai oleh sekolah-sekolah menengah di seluruh Sarawak, mengadakan bengkel-bengkel bahasa sukuan di tempat-tempat yang dipilih, menyediakan khidmat penterjemahan bahasa kepada individu ataupun organisasi, mengadakan kempen Bulan Bahasa, mengadakan ceramah jemputan mengenai bahasa dan mengumpul data-data bahasa sukuan yang pelbagai di Sarawak.

1.0.3 Bahasa Melanau Rejang dan masyarakatnya

Bahasa Melanau adalah salah satu daripada pelbagai bahasa sukuan Sarawak yang ada di negeri Sarawak. Daripada Bahasa Melanau, turut dipecahkan kepada beberapa bahasa seperti Bahasa Melanau Rejang, Bahasa Melanau Mukah, Bahasa Melanau Miri, Bahasa Melanau Dalat, Bahasa Melanau Sibul dan sebagainya. Menurut Yasir Abdul Rahman dalam bukunya yang bertajuk “Melanau Mukah – 1 Kajian Budaya, 1957” menyatakan bahawa orang Melanau lebih terkenal dengan kehidupan di sekitar kawasan perairan, iaitu di muara dan persisiran laut.

Masyarakat yang berbangsa Melanau Rejang majoritinya tinggal di Kampung Rejang, kira-kira sejam setengah dari bandar Sarikei yang menggunakan jalan air. Di Bandar Sarikei sendiri sememangnya terdapat juga masyarakat Melanau Rejang yang bekerja di Sarikei. Masyarakat Melanau Rejang yang tinggal di Kampung Rejang kebanyakannya bekerja sebagai nelayan dan memungut hasil laut. Selain itu, kemudahan turut melanda di perkampungan ini yang mana terdapat penduduknya bekerja di pejabat kerajaan malah di Kampung Rejang sendiri telah mempunyai pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan walaupun kampung ini agak jauh dari bandar dan terpaksa menggunakan jalan air untuk sampai ke sana.

1.1 Objektif Kajian

Objektif kajian penyelidik menjalankan kajian ini adalah untuk mengetahui peranan DBPCS sepenuhnya dalam memartabatkan Bahasa Melanau Rejang. Hal ini kerana penyelidik ingin mengetahui sejauhmanakah DBPCS memainkan peranan yang telah dipertanggungjawabkan untuk mengumpul sekaligus mengekalkan bahasa-bahasa sukuan di Sarawak. Penyelidik juga ingin mengetahui usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak DBPCS dalam proses pengumpulan data-data bahasa sukuan Sarawak : Melanau Rejang.

Selain itu, objektif penyelidik juga adalah untuk melihat sejauhmanakah masyarakat tempatan Sarawak khususnya masyarakat Melanau Rejang menerima usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak DBPCS dalam pengumpulan data-data bahasa sukuan Melanau Rejang. Penyelidik turut ingin melihat kerjasama yang diberi oleh masyarakat Melanau Rejang kepada pihak DBPCS dalam usaha-usaha yang dilakukan pihak DBPCS.

Penyelidik melakukan kajian ini juga kerana ingin melihat keberkesanan program pengumpulan Data-data Umum Bahasa Sukuan Sarawak (PDUBSS) dalam mengekalkan dan mempertahankan bahasa-bahasa sukuan Sarawak khususnya Melanau Rejang dalam meniti era globalisasi yang semakin membangun. Di samping itu, penyelidik ingin mengetengahkan bahasa Melanau Rejang sebagai salah satu bahasa etnik di Sarawak. Hal ini kerana Bahasa Melanau Rejang kurang dikomersilkan sebagai salah satu cabang bahasa sukuan yang terdapat dalam Bahasa Melanau.

1.2 Hipotesis

Hipotesis penyelidik adalah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak DBPCS dalam memartabatkan Bahasa Melanau Rejang kepada masyarakat tempatan Sarawak kurang berjaya. Hal ini kerana daripada tinjauan yang penyelidik lakukan serta berdasarkan pengalaman penyelidik sendiri menjalani Latihan Industri di DBPCS, usaha-usaha untuk memartabatkan Bahasa Melanau Rejang kurang dipertunjukkan berbanding Bahasa Melanau yang lain seperti Bahasa Melanau Mukah. Bengkel yang diadakan oleh Unit Bahasa kebanyakannya lebih menumpukan bahasa-bahasa sukuan yang lain berbanding Bahasa Melanau Rejang.

Penyelidik beranggapan hal ini berlaku mungkin disebabkan penempatan masyarakat Melanau Rejang yang kebanyakannya berada di sekitar Bandar Sarikei, kira-kira 200 kilometer dari Kuching. Jarak yang jauh ini mungkin menyukarkan pihak DBPCS mengumpul data-data terbaru dan sekaligus mengemaskini data yang telah sedia ada mengenai Bahasa Melanau Rejang. Apatah lagi pengangkutan yang digunakan untuk sampai ke perkampungan Melanau Rejang ini menggunakan jalan air yang memungkinkan masalah yang dihadapi oleh pihak DBPCS.

1.3 Skop Kajian

Penyelidik menjalankan kajian di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak(DBPCS). Di dalam kajian ini pengkaji ingin melihat peranan DBPCS melalui Unit Bahasa dalam memartabatkan bahasa sukuan Sarawak kepada masyarakat tempatan. Kajian ini ditumpukan kepada peranan Unit Bahasa dan Unit Sastera juga turut dimasukkan di sini kerana Unit Bahasa dan Sastera saling bekerjasama di dalam merancang dan membina sebarang kegiatan yang dirancang dan dilakukan. Di sini penyelidik ingin mengkaji tentang usaha-usaha yang telah dijalankan dan dirancang oleh setiap unit ini di dalam memainkan peranan mereka dan bagaimana pencapaian yang di capai sejak penubuhan unit ini di Sarawak dan DBPCS khususnya.

Tumpuan penyelidik lebih kepada Unit Bahasa kerana penyelidik ingin mengkaji peranan yang dilakukan oleh pihak DBPCS dalam memartabatkan bahasa sukuan Sarawak iaitu Bahasa Melanau. Kajian yang penyelidik lakukan bukan sekadar menemuramah pegawai-pegawai di DBPCS, tetapi penyelidik turut menggunakan kemudahan yang ada di DBPCS seperti Pusat Dokumentasi Melayu serta Bilik Koleksi Borneo yang memuatkan pelbagai genre bahan bacaan yang boleh membantu penyelidik menjalankan kajian yang dilakukan.

Di DBPCS, penyelidik akan melihat secara terperinci usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak DBPCS dalam mengembangkan Bahasa Melanau Rejang. Melalui program